

Usim terima 30 unit panel solar

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) dipilih oleh Vision Motor Sports Sdn Bhd dengan kerjasama EAG Consulting Sdn Bhd untuk menerima sumbangan 30 unit panel solar bernilai RM90,000 yang akan dipasang di Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Usim bagi penyelidikan tenaga hijau.

Majlis disempurnakan Pengerusi Vision Motor Sports Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib bersama Pengarah Urusan EAG Consulting Sdn Bhd, Raja Hizad Raja Kamarulzaman, kepada Usim diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Mustafa Mohd Hanefah.

Melalui sumbangan tersebut, ia juga merintis jalinan kerjasama antara Usim bersama rakan industri baharu apabila turut diadakan majlis menandatangani memorandum persefahaman



Dr Mustafa (kanan) menerima panel solar daripada wakil Vision Motor Sports dan EAG Consulting Sdn Bhd.

(MoU) di antara Usim bersama Vision Motor Sports Sdn Bhd serta EAG Consulting Sdn Bhd.

Menurut Raja Hizad, sumbangan itu sebagai salah satu tanggungjawab sosial syarikat untuk kelestarian alam sekitar

selari dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kesan rumah hijau.

"Sumbangan panel solar ini tepat pada masanya kerana Usim sendiri berhasrat menjadi universiti pertama mesra alam.